

UMS dekati masyarakat luar bandar

BIDANG pendidikan yang menjadi tonggak utama negara sentiasa diberi perhatian dalam usaha membentuk modal insan berdaya saing, cemerlang dan berketrampilan.


Usaha itu dilakukan secara adil dan saksama agar seluruh rakyat negara ini terutama di pedalaman dan kawasan luar bandar menerima manfaat kepada kelangsungan sistem pendidikan negara.

Rata-rata fasiliti dan kemudahan yang disediakan untuk sekolah-sekolah di luar bandar masih berada di tahap rendah hingga menimbulkan jurang perbezaan dari segi penerimaan ilmu pengetahuan yang jelas terbukti menerusi statistik keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) serta Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) setiap tahun.

Bagaimanapun, jurang tersebut semakin mengecil apabila pelbagai usaha dilakukan Kementerian Pendidikan dengan kerjasama ibu bapa dan masyarakat setempat.

Menyedari hakikat ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar (UPPLB) giat melaksanakan program jelajah ilmu di beberapa buah kawasan pedalaman negeri ini dalam usaha meningkatkan pembangunan pendidikan di luar bandar.

Sasaran UPPLB UMS ialah sekolah-sekolah di kawasan luar bandar dengan pencapaian akademik yang



KHALID JOHARI menunjukkan buku laporan penuh program UPPLB di SK Kuala Salong, Pagalungan.

kurang memuaskan malah turut melibatkan kerjasama komuniti setempat supaya program itu dapat diadakan dengan berkesan.

Apa yang lebih penting penganjuran program itu bukan sahaja bertujuan meningkatkan tahap akademik malah mengubah pemikiran masyarakat luar bandar tentang kepentingan pendidikan.

Pengenalan Program Pemindahan Ilmu (KTP) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dilakukan dua tahun lalu menjadi pe-



ungkin terhadap usaha UPPLB untuk terus komited merealisasikan usaha menjana transformasi minda komuniti luar bandar mendepani arus perubahan global yang semakin mencabar.

Ketua UPPLB, Dr. Khalid Johari berkata, menerusi KTP, UPPLB melaksanakan satu projek dalam kategori Kemegahan Komuniti yang bertajuk 'Pelaksanaan Modul Pembelajaran Nukleus - Peningkatan Prestasi Murid Sekolah Kebangsaan Salarom, Nabawan serta Kemahiran Guru-guru daerah Nabawan'.

Kata beliau, projek KTP yang dilaksanakan itu adalah kesinambungan kepada aktiviti berteraskan pendidikan bersama murid menerusi program jelajah akademik di beberapa buah kawasan luar bandar sebelum ini.

"Secara asasnya projek Modul Pelaksanaan Nukleus memfokuskan peningkatan prestasi terhadap tiga subjek penting dalam UPSR, iaitu Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Setiap modul ini dibina selari dengan kurikulum sekolah rendah serta menerapkan teori *taksonomi gagne* iaitu kemahiran intelektual, strategi kognitif, kemahiran bercakap, kelakuan dan psikomotor.

"Modul-modul ini dibina oleh kumpulan pelajar pasca siswazah bidang pendidikan dengan melibatkan tiga peringkat pelaksanaan modul nukleus bagi setiap mata pelajaran mengikut kemampuan murid seperti yang tercatat dalam *taksonomi gagne*," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Khalid berkata, teori *taksonomi gagne* yang mempunyai lima fasa terpaksa dikembangkan kepada tujuh fasa bagi memberi persediaan kepada para murid sebelum projek Modul Pelaksanaan Nukleus dilaksanakan.

Untuk itu kata beliau, tujuh fasa tersebut akan merangkumi kesediaan pelajar untuk melaksanakan modul; mengembangkan kemahiran intelektual; mengaplikasikan konsep ilmu; mengintegrasikan pengetahuan; mengumpul dan membina konsep ilmu; serta keyakinan dan keupayaan untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang diperoleh.

"Siri pertama modul ini ialah



PENGUNAAN visual sebagai kaedah pengajaran mampu mendorong minat murid untuk belajar.

satu pengenalan yang bertujuan memberi persediaan minda-murid untuk modul seterusnya. Aktiviti modul memfokuskan kepada pembangunan pengawalseliaan murid terhadap keperluan modul tersebut.

"Selaras dengan keperluan fasa baharu, rangsangan dalam aktiviti modul kedua dan seterusnya adalah berkisar tentang menjana kemahiran asas pemikiran kritikal yang merangkumi kemahiran untuk mengenal pasti ciri-ciri, konsep serta prosedur untuk mencapai ilmu," katanya.

Tambah Khalid, bagi modul ketiga dan keempat yang merupakan fasa pertengahan, menekankan aktiviti rangsangan kognitif bagi murid untuk mengaplikasikan integrasi pengetahuan.

Dalam fasa ini, ujar beliau, aktiviti lebih memfokuskan terhadap modul rangsangan yang berkemampuan melatih penerokaan ilmu secara intensif sebagai satu cara untuk memperkayakan perbendaharaan kata berkaitan dengan ilmu yang dipelajari.

"Apa yang lebih penting adalah

usaha murid itu sendiri. Mereka sendiri boleh meneroka potensi untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan penghuraian yang baik.

"Keupayaan memberi huraian secara berkesan merupakan petanda aras seseorang pelajar itu menguasai ilmu berkenaan dengan baik," katanya.

Khalid menjelaskan, hasil pelaksanaan modul nukleus itu berupaya memberi satu keputusan membe-rangsangkan dalam kalangan murid.

Beliau berkata, berdasarkan kajiannya ke atas murid yang menggunakan modul nukleus pada tahun 2013, rata-rata keputusan menunjukkan peningkatan pada peperiksaan UPSR.

Selain itu, tambahnya, program tersebut turut memberikan peningkatan kepada para penuntut pasca siswazah dari segi kemahiran dan pengetahuan dalam bidang kurikulum bagi membolehkan mereka merancang serta membina modul pembelajaran.

Selain SK Salarom, Nabawan,

UPPLB turut melaksanakan aktiviti yang sama di beberapa buah sekolah di daerah pedalaman negeri ini antaranya SK Kuala Salong, Pagalungan; SK Kanibongan, Pitas dan SK Kuala Kahaba, Keningau.

Ujar beliau lagi, UMS sebagai sebuah universiti awam turut mendukung agenda pendidikan nasional dari peringkat akar umbi sebagai memenuhi dasar negara dalam melahirkan modal insan kelas pertama bak kata pepatah, 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'.

Jelas Khalid, perkongsian ilmu bersama komuniti luar bandar khususnya generasi muda dilihat mampu mencorak minda generasi pelapis kepimpinan negara untuk lebih cemerlang serta mampu bersaing sama seperti anak-anak yang berada di bandar.

"Kita akan terus melakukan kajian dan penyelidikan selain mendapatkan maklum balas berhubung keberkesanan program ini. Apa yang penting generasi muda di luar bandar dapat menerima manfaat daripada program ini," katanya.



SALAH seorang peserta dari UMS menunjukkan kaedah pengiraan matematik kepada murid sekolah.